

Ruj. Kami : ANM.PK.UPA/600-1/1/3(27)

Tarikh : 12 Mac 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan /
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PENGEMASKINIAN DATA INDUK ASET DI IGFMAS

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Y.Bhg. Datuk/ Dato' / Datin / Tuan / Puan, aset alih di iGFMAS diperakaunkan berdasarkan MPSAS dan Polisi Perakaunan Akruan yang berkuatkuasa, manakala Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) direkodkan berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan. Pejabat Perakaunan telah ditugaskan untuk memastikan aset alih diperakaunkan dalam iGFMAS dengan tepat dan lengkap.

3. Bagi memastikan aset alih ini diperakaunkan dengan tepat serta memudahkan proses pepadanan antara iGFMAS dan SPPA untuk tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Aset Alih, Pusat Tanggung Jawab (PTJ) adalah di minta menyemak dan mengemaskini **maklumat / maklumat tambahan data induk aset di iGFMAS** seperti berikut:

- i. **No. Pendaftaran aset SPA / mySPATA** hendaklah diisi di **medan ID Lama**;
- ii. Maklumat Hartanah hendaklah diisi di **medan No. Hak Milik, Negeri, Daerah, Bandar/ Pekan/ Mukim dan No. Lot**; dan
- iii. Maklumat kenderaan atau peralatan elektrik/ elektronik seperti No. casis/ No. plat / no. siri hendaklah diisi di **medan No. siri/ No Hakmilik/ Casis**;

4. Sila rujuk **Manual Latihan Sistem iGFMAS Modul AA-11200B Kemas Kini Data Induk Aset dengan Workflow** dan **Lampiran 1 – Rajah Paparan Kemaskini Data Induk Aset**. PTJ juga perlu melengkapkan Borang Tindakan Kerja Pewujudan dan Kemaskini Data Induk Aset (JANM – AA -6.3.1), Manual Prosedur Kerja iGFMAS – Lampiran Kepada Modul Asset Accounting (AA) sebagai dokumen sokongan.

5. Sebarang pertanyaan boleh diemelkan kepada aset_prk@anm.gov.my. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

UNIT PENGURUSAN ASET
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI PERAK